

Headline	Gangguan bekalan, TNB mohon maaf		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Selangor & KL	Page No	17
ArticleSize	153 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,830		



## Gangguan bekalan, TNB mohon maaf

**SERI KEMBANGAN** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) memohon maaf kepada pengguna yang terjejas berikutan gangguan bekalan elektrik di sekitar Seri Kembangan dan Serdang sejak kelmarin.

Gangguan berlaku berikutan kerosakan di Pencawang Masuk Utama (PMU) Serdang Raya.

Pengurus Besar Kanan, Distribution Network, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata, TNB memahami kesukaran dialami pengguna terjejas, pihaknya bertungkus lumus untuk memulihkan bekalan elektrik segera sebaik kerosakan berlaku.

“Usaha kembalikan bekalan dimulakan segera, sebanyak 67 peratus pengguna terlibat mendapat bekalan dalam tempoh dua jam menerusi bekalan grid.

“Manakala bakinya, diberi melalui



**Warga Serdang dan Seri Kembangan bergelap hampir 14 jam.**

set janakuasa bergerak,” katanya.

Menurutnya, bekalan dipulihkan secara berperingkat bermula jam 5 petang kelmarin dan sehingga jam 12 tengah semalam, lebih 85 peratus pengguna sudah mendapat bekalan masing-masing.

Beliau berkata, setakat ini, 131 set janakuasa bergerak

digunakan untuk mengembalikan bekalan bermula jam 6 petang kelmarin.

“Sementara 39 lagi dijangka tiba untuk memberi bekalan elektrik bagi membolehkan bekalan dikembalikan sepenuhnya semalam.

“Bagi pengguna lain yang terlibat, kami nasihat mereka mendapatkan maklumat terkini di Facebook TNB CareLine atau menghubungi talian TNB CareLine 15454,” katanya.